

Selesai isu nuklear Iran secara diplomasi – PM

UM - 30/5/2006

PUTRAJAYA 29 Mei – Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mahu Iran diberi peluang yang cukup bagi menyelesaikan isu teknologi nuklearnya melalui diplomasi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi pergerakan itu berkata, NAM perlu memberikan pengiktirafan kepada Iran bagi membangunkan teknologi tertentu yang bertujuan keamanan.

“Malaysia menyokong pendirian ini dan dalam isu berkaitan teknologi nuklear, NAM akan terus mempertahankan hak asasi negara-negara anggota Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear (NPT) untuk membangunkan teknologi itu bagi tujuan keamanan.

“Mereka perlu dibenar melaksanakannya tanpa sebarang diskriminasi dan

NAM perlu memberikan pengiktirafan kepada Iran bagi membangunkan teknologi yang bertujuan keamanan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri
Malaysia

sejajar dengan perjanjian perlindungan seperti yang dikehendaki oleh NPT,” katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat Menteri-Menteri Biro Penyelarasan NAM (NAM-CoB) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Ketika ini Iran yang merupakan salah satu daripada 116 negara anggota NAM menghadapi tekanan daripada Amerika Syarikat (AS) dan Barat berhubung aktiviti pengayaan uraniumnya yang didakwa mampu menghasilkan senjata nuklear.

Sebuah lagi negara anggota NAM, Ko-

rea Utara juga menghadapi tekanan Barat ekoran kedudukannya sebagai salah satu negara yang mempunyai senjata nuklear.

Abdullah menegaskan, sepatutnya tidak ada sebarang sikap memilih atau berat sebelah berhubung perkara itu, sebaliknya perlu ada satu undang-undang untuk semua pihak.

“Dengan membenarkan Israel membangunkan senjata nuklear secara bebas daripada sebarang hukuman - suatu yang tidak dinafikan, sedangkan negara lain di rantau itu (Asia Barat) ditegah daripada melakukannya, ia adalah satu

kes yang terang-terangan berat sebelah.

“Keadaan ini menyebabkan ketidakstabilan di kawasan yang sentiasa bergolak itu,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, NAM perlu terus mendesak bagi mewujudkan pendekatan yang seimbang terhadap usaha pelucutan senjata nuklear dan pengawalan senjata nuklear.

Katanya, pergerakan itu juga perlu menentang sebarang usaha untuk memperkenalkan doktrin ketenteraan yang berbahaya termasuk senjata nuklear taktikal yang dicadangkan oleh sesetengah pihak.

Beliau menegaskan, NAM mesti membantah sekeras-kerasnya sebarang cubaan bagi menggunakan senjata itu kerana ia akan menggagalkan usaha pelucutan senjata nuklear dan memberi risiko ke atas keselamatan antarabangsa.